




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

26 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 486 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 231,644 kes. Sebanyak lapan (8) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Kota Marudu manakala masing-masing satu (1) kes di Kota Belud, Kudat, Papar, Ranau, Tambunan dan Tawau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 633 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 220,792 orang. Manakala 1,598 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 665 orang di hospital, 913 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 81 orang merangkumi 72 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut* dan 29 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 57 (27.54%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes bagi Sabah hari ini turun di bawah paras 500 pada 486 kes. Ini merupakan penurunan 27 kes berbanding jumlah kelmarin.
- b. Kota Kinabalu kekal menjadi penyumbang utama dengan 100 kes, 28 kes lebih banyak daripada jumlah kelmarin. Tiga lagi daerah dalam kumpulan “Empat Serangkai”, yakni Ranau, Tuaran dan Kota Belud mencatatkan penurunan kes baharu yang marginal kecuali Ranau yang turun 30 kes.
- c. Setiap hari masyarakat diberi peringatan betapa perlunya semua rakyat mematuhi SOP secara serius. Jumlah kes melalui jangkitan sporadik terlalu tinggi dan ini bermakna jangkitan berlaku dengan begitu mudah. Kita tidak tahu siapa pembawa virus dan dimana serta bila jangkitan berlaku. Di Kota Kinabalu, 43% daripada jumlah jangkitan baharu adalah melalui jangkitan sporadik, hampir 49% di Penampang, 44% di Kota Belud dan 77% di Beaufort. Secara keseluruhannya peratusan bagi Sabah ialah 41%.
- d. Sebanyak 98% daripada semua kes di Sabah hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Dua orang pesakit dalam Kategori 3, tiga orang dalam Kategori 4 dan seorang dalam Kategori 5. Kes yang melibatkan empat orang pesakit masih dalam penilaian JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (246) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	199	40.95%
3	Kontak	246	50.62%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	41	8.43%
JUMLAH		486	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (25 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 25/11/2021	Catatan Kes 26/11/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	72	100	+28
2	Tongod	0	12	+12
3	Keningau	19	29	+10
4	Sandakan	2	12	+10
5	Telupid	2	9	+7
6	Tenom	12	18	+6
7	Kalabakan	0	5	+5
8	Penampang	35	39	+4
9	Putatan	18	19	+1
10	Nabawan	3	3	Mendatar
11	Pitas	3	3	Mendatar
12	Kunak	0	0	Mendatar
13	Ranau	51	21	-30
14	Kinabatangan	25	3	-22
15	Papar	38	26	-12
16	Kota Marudu	32	23	-9
17	Tambunan	11	2	-9
18	Beaufort	26	22	-4
19	Tawau	13	9	-4
20	Beluran	6	2	-4
21	Lahad Datu	5	1	-4
22	Tuaran	48	45	-3
23	Kuala Penyu	17	14	-3
24	Sipitang	15	13	-2
25	Kudat	13	11	-2
26	Kota Belud	46	45	-1
27	Semporna	1	0	-1
JUMLAH		513	486	-27

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (12 November – 25 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	44	43	0	13	100	1,169
Tuaran	0	31	13	0	1	45	752
Kota Belud	0	23	20	0	2	45	580
Penampang	0	19	19	0	1	39	493
Keningau	0	16	12	0	1	29	259
Papar	0	13	11	0	2	26	410
Kota Marudu	0	11	10	0	2	23	390
Beaufort	0	3	17	0	2	22	353
Ranau	0	11	7	0	3	21	526
Putatan	0	14	5	0	0	19	218
Tenom	0	9	7	0	2	18	325
Kuala Penyu	0	8	4	0	2	14	124
Sipitang	0	5	8	0	0	13	155
Sandakan	0	6	5	0	1	12	143
Tongod	0	12	0	0	0	12	60
Kudat	0	4	6	0	1	11	181
Tawau	0	3	4	0	2	9	124
Telupid	0	7	1	0	1	9	91
Kalabakan	0	4	1	0	0	5	14
Kinabatangan	0	0	2	0	1	3	195
Pitas	0	0	1	0	2	3	78
Nabawan	0	2	0	0	1	3	27
Tambunan	0	0	2	0	0	2	148
Beluran	0	1	0	0	1	2	92
Lahad Datu	0	0	1	0	0	1	83
Semporna	0	0	0	0	0	0	12
Kunak	0	0	0	0	0	0	17
JUMLAH	0	246	199	0	41	486	7,019

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,255 unit

- Hospital 1,370 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,395 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.41%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 26 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	483
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	2
Jumlah	486

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
United Kingdom	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	479
Bukan Malaysia	7
Jumlah	486

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	99
Belum Menerima Vaksin	49
Menerima 1 Dos	2
Lengkap 2 Dos	336
Jumlah	486

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	10
1 to 5	47
6 to 11	42
12 to 17	25
18 to 25	51
26 to 59	262
>60	49
Jumlah	486

C PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA SEMENANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN

Panduan kebenaran / larangan masuk ke Sabah daripada Semenanjung Malaysia, Sarawak dan WP Labuan berkuatkuasa 01 Disember 2021 – tertakluk kepada tempoh ditetapkan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 25 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,552 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,224 orang adalah penduduk dewasa dan 328 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 25 November 2021 adalah seramai 2,439,055 orang. Ini meliputi 2,105,387 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.33% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,387,683 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,081,475 orang atau 75.46% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 333,668 orang atau 76.88% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 306,208 atau 70.55% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **677,306** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,251 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 130 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 844 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak lima (5) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu tiga (3) di daerah Lahad Datu dan dua (2) di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 293 premis perniagaan dan 348 individu di 18 kawasan. Empat (4) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di D'Queen Kitchen, Bandar Siera (3 Orang) dan Indah Collection- Bizhub, Bandar Seira (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 337 Premis Perniagaan melibatkan 198 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 50 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 139 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.5%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beaufort	98.8%
2	Beluran	98.7%
3	Kudat	98.7%
4	Papar	98.7%
5	Penampang	98.6%
6	Sipitang	98.6%
7	Keningau	98.6%
8	Tawau	98.5%
9	Kunak	98.5%
10	Semporna	98.5%
11	Kota Marudu	98.5%
12	Kinabatangan	98.5%
13	Lahad Datu	98.4%
14	Sandakan	98.4%
15	Tenom	98.3%
16	Kota Belud	98.2%
17	Kota Kinabalu	98.1%
18	Tuaran	98%
19	Ranau	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA **1 DISEMBER 2021 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.**

Bil.	Kategori	DIBENARKAN MASUK
1	Warganegara	<p>a) Semua individu warganegara Malaysia dibenarkan masuk ke negeri Sabah bagi tujuan lawatan sosial.</p> <p>b) Individu hendaklah berstatus lengkap divaksin.</p> <p>c) Tidak perlu melakukan ujian COVID-19 untuk kemasukan ke Sabah bagi yang telah lengkap divaksin.</p> <p>d) Bagi yang belum divaksin / belum lengkap divaksin / belum menerima vaksin bagi yang layak (12 tahun ke atas), perlu melakukan ujian COVID-19 di klinik atau makmal yang bertauliah dan menunjukkan slip keputusan ujian NEGATIF semasa ketibaan di Pintu Masuk Sabah.</p> <p>e) Remaja berumur 12 hingga 18 tahun yang sudah menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin.</p> <p>f) Kanak-kanak di bawah 12 tahun ditemani oleh ibu bapa / penjaga yang telah lengkap divaksin.</p> <p>g) Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, mereka perlu mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.</p>

PERINGATAN

- a) Segala syarat-syarat Pas Lawatan Sosial (PLS) **HENDAKLAH** dipatuhi sepenuhnya.
- Pas Lawatan Sosial (PLS) **tidak sah untuk pekerjaan** di negeri Sabah.
 - Tidak berada di dalam negeri Sabah **melebihi tempoh yang telah ditetapkan** dalam Pas Lawatan Sosial (PLS).
- b) Semua warganegara yang **bukan berasal dari negeri Sabah** bagi tujuan bekerja di negeri Sabah **HENDAKLAH** memiliki Pas Kerja yang sah tempoh, dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
- Mengemukakan **Pas Kerja** di Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah dengan **SEGERA, setelah masuk ke negeri Sabah**.
 - Anggota-anggota perkhidmatan awam Persekutuan yang bertugas di negeri Sabah **HENDAKLAH** mendapatkan **cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63** di pejabat Imigresen Sabah setelah masuk ke negeri Sabah.
 - Manakala tanggungan kepada anggota perkhidmatan awam Persekutuan **HENDAKLAH** mendapatkan **cop Seksyen 66(2) Akta Imigresen 1959/63** atau memohon **Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang** di pejabat Imigresen Sabah setelah masuk ke negeri Sabah.
- c) Suami / isteri kepada rakyat Sabah dan tanggungan.
- Memiliki pas-pas jangka panjang Imigresen Malaysia.
 - Sekiranya bekerja di negeri Sabah, **HENDAKLAH** memiliki Pas Kerja.



PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA **1 DISEMBER 2021 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.**

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
2	Bukan Warganegara	(a) Isteri/ suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan	<ol style="list-style-type: none"> Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau Bukti perkahwinan; Sijil lahir anak/ tanggungan (tidak melebihi 18 tahun) 	
		(b) Pemastautin Tetap Sabah (MyPR Sabah)	Memiliki MyPR kod "H" / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport / Surat Aakuan Pengenalan	
		(c) Pemegang Pas Kerja dalam Perkhidmatan Penting (Essential Services) dan tanggungan.	Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah	TIDAK memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
		(d) Lawatan pelabur-pelabur atas jemputan Kerajaan Negeri <ol style="list-style-type: none"> Domestik; dan Antarabangsa. 	<ol style="list-style-type: none"> Mendapat surat jemputan daripada Kerajaan Negeri Sabah; Memiliki Pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh; Rombongan hendaklah tidak melebihi 10 orang dalam satu kumpulan dan menyertakan jadual / program lawatan; Hendaklah mendapat kebenaran khas masuk melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19); Wajib memiliki MyTravelPass untuk masuk ke Malaysia bagi kemasukan dari luar negara – (rujuk muka surat 5). Penilaian risiko akan dilaksanakan di pintu masuk Sabah. 	TIDAK memiliki Kelulusan Khas Kerajaan Masuk Kerajaan Negeri Sabah dan MyTravelPass (dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia).
		(e) Pas Sementara <ol style="list-style-type: none"> MyKAS Sabah IMM13 Sabah 	<ol style="list-style-type: none"> Pas Sementara hendaklah sah tempoh; dan Tempoh perjalanan dinyatakan di dalam Surat Kemudahan Berlepas oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah hendaklah sah tempoh. 	<ol style="list-style-type: none"> Pas Sementara tamat tempoh; dan Tempoh perjalanan dalam Surat Kemudahan Berlepas tamat tempoh.



PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA **1 DISEMBER 2021 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.**

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
2	Bukan Warganegara	(f) Program MM2H (Sabah)	Memiliki Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H) yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.	TIDAK memiliki Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H) yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.
		(g) Pelajar IPTA / IPTS	<p>PELAJAR SEDIA ADA:</p> <p>i. Memiliki Pas Pelajar sah tempoh yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.</p> <p>PELAJAR BAHARU:</p> <p>(Berada di dalam Malaysia)</p> <p>i. Memiliki visa / pas yang sah dari mana-mana pejabat Jabatan Imigresen Malaysia; dan</p> <p>ii. Memiliki surat tawaran dari IPTA / IPTS di Sabah.</p> <p>(Berada di luar Negara)</p> <p>i. Memiliki surat kelulusan Pas Pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah bagi Negara yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia; dan</p> <p>ii. Memiliki surat tawaran dari IPTA / IPTS di Sabah.</p> <p>Semua pelajar baharu dan sedia ada WAJIB lengkap divaksin dan melepasi tempoh keberkesanan sebelum dibenarkan untuk masuk ke Sabah dan untuk masuk / Kembali ke kampus.</p>	<p>Pelajar sedia ada:</p> <p>TIDAK memiliki Pas Pelajar sah tempoh yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.</p> <p>Pelajar baharu:</p> <p>i. TIDAK memiliki visa / pas yang sah dari mana-mana pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>ii. TIDAK memiliki surat kelulusan Pas Pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah bagi Negara yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia.</p> <p>iii. TIDAK memiliki surat tawaran dari IPTA / IPTS di Sabah.</p>



PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA **1 DISEMBER 2021 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.**

Bil.	Kategori	Sub-Kategori	DIBENARKAN MASUK	TIDAK DIBENARKAN MASUK
2	Bukan Warganegara	(h) Lawatan Sosial	<p>a) Diplomat dan Ekspatriat termasuk tanggungan</p> <p>i. Pemegang Pas Diplomat (Exemption Order) / Pas tanggungan yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>ii. Pemegang Pas Kerja (Kategori I & II sahaja) / Pas tanggungan yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>iii. Pemegang Pas Ikhhtis yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>iv. Pemegang Pas Residen yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>v. Pemegang Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (MM2H) yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>b) MyPR bukan Sabah</p> <p>i. Pemegang MyPR bukan Sabah / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport.</p> <p>ii. WAJIB mengemukakan Pasport / Surat Aduan Pengenalan semasa pemeriksaan imigresen di pintu masuk Sabah.</p> <p>iii. Tanggungan hendaklah membuktikan perhubungan dan memiliki Pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh.</p> <p>c) Pas Keria (Kategori III)</p> <p>i. Pas Kerja (Kategori III) yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>ii. Sertakan pembuktian tiket pulang balik kepada pihak imigresen di pintu masuk Sabah.</p> <p>iii. Sertakan pembuktian tempat tinggal di Sabah kepada pihak imigresen di pintu masuk Sabah.</p> <p>d) Pasangan Isteri / Suami dan tanggungan kepada rakyat Malaysia (bukan asal Sabah)</p> <p>i. Pemegang Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Dependent) yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>e) Pembantu Rumah Asing</p> <p>i. Pas Pembantu Rumah Asing yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.</p> <p>ii. Hendaklah masuk ke Sabah bersama majikan.</p>	<p>TIDAK mematuhi syarat-syarat Lawatan Sosial dan tidak lepas pemeriksaan imigresen di pintu masuk Sabah.</p> <p>TIDAK tersenarai dalam kategori yang dibenarkan masuk atas sub-kategori lawatan sosial.</p> <p>DASAR-DASAR SEMASA KERAJAAN NEGERI SABAH:</p> <p>i. Warganegara Bangladesh yang tidak memiliki pas-pas imigresen yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.</p> <p>ii. Warganegara Nigeria yang tidak memiliki pas-pas imigresen yang sah tempoh dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah.</p>



PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 1 DISEMBER 2021 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

IMIGRESEN : PANDUAN KEMASUKAN KE SABAH

PROSEDUR KEMASUKAN KE SABAH BAGI WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA:

1. Semua kemasukan ke negeri Sabah adalah tertakluk kepada SOP sedia ada:

- Mematuhi sepenuhnya panduan kemasukan ke Sabah yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.
- Sub-kategori yang tidak tersenarai / dibenarkan masuk **hendaklah** mengemukakan permohonan kepada Jabatan Ketua Menteri melalui Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan untuk **pertimbangan** Kelulusan Khas. Permohonan Kelulusan Khas hanya layak untuk dipertimbangan bagi sub-kategori yang disenaraikan sahaja. Sila layari: <https://hednp.sabah.gov.my/>

Nota bagi pengembara antarabangsa (bukan warganegara):

- Semua pengembara bukan warganegara yang masuk ke Malaysia dari luar negara **HENDAKLAH** mendapatkan **MyTravelPass / MyEntry** melalui Jabatan Imigresen Malaysia terlebih dahulu.
- Sila rujuk <https://esd.imi.gov.my/portal/latest-news/announcement/myentry-exemption-ep-entering-leaving-returning-malaysia/> bagi kategori yang **DIBENARKAN** masuk ke Malaysia tanpa perlu mendapatkan kelulusan daripada JIM melalui sistem MyTravelPass / MyEntry.

PEMAKLUMAN:

- Diplomat yang layak di bawah Perintah Pengecualian (*Exemption Order*) dan tanggungan. Bagi diplomat atau staf kedutaan yang belum mempunyai pas / kemasukan kali pertama, mereka perlu mendapat kelulusan masuk dari Ketua Pengarah Imigresen terlebih dahulu.
- Anak Kapal (tidak melibatkan sektor Minyak dan Gas) bagi warganegara dan bukan warganegara yang masuk bagi menjalankan aktiviti *sign-on* atau *joint ship*.
 - Sertakan dokumen-dokumen seperti berikut: MyKad / Pasport; *Seaman Book*; *Letter of Guarantee* daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah (Bahagian Pelabuhan).



PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
21 RABULAWAL 1443 HURAH / 28 OKTOBER 2021

**PENGEUALIAN MYTRAVELPASS BAGI KEMASUKAN WARGANEGARA ASING YANG
MEMPUNYAI PAS LAWATAN JANGKA PANJANG KE MALAYSIA**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemi Bilangan 60 Tahun 2021 (Sih 22) yang telah diadakan pada 22 Oktober 2021, kategori warganegara asing pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang di Malaysia adalah dibenarkan masuk ke Malaysia tanpa perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui sistem MyTravelPass (MTP) / MyEntry dengan syarat mempunyai pas yang masih sah laku.

Sehubungan itu, berikut merupakan senarai Pas Lawatan Jangka Panjang yang dibenarkan masuk ke Malaysia tanpa perlu memohon melalui MTP / MyEntry:

- Diplomat (Exemption Order) / Tanggungan / Pembantu Rumah Asing
- Pas Pengajian (Kategori UJIB) / Tanggungan / Pembantu Rumah Asing
- Resident Pass-Talent (RP-T) / Tanggungan / Pembantu Rumah Asing
- Pas Lawatan Iktisad – Pakar
- Pas Lawatan Iktisad
- Pemastautin Tetap (PR) / Pasangan kecapa PR / Anak kepada PR
- Pas Jangka Panjang (Suami / isteri / Anak) kepada Warganegara
- Pas Warga Emas
- Pas Batu / Janda kepada Warganegara
- Pas Pelajar / Tanggungan / Pengiring
- Pas Malaysia My Second Home (MM2H) / Tanggungan / Pembantu Rumah Asing
- Pas Residen
- Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)
- Pembantu Rumah Asing (PRA)

<https://esd.imi.gov.my/portal/latest-news/announcement/myentry-exemption-ep-entering-leaving-returning-malaysia/>

Kemas kini pada: 26 November 2021_v1 [FINAL]

Muka surat: 5 / 7

PANDUAN KEBENARAN / LARANGAN MASUK KE SABAH DARIPADA **SEMANJUNG MALAYSIA, SARAWAK DAN WP LABUAN**
BERKUATKUASA 1 DISEMBER 2021 – TERTAKLUK KEPADA TEMPOH DITETAPKAN.

KESIHATAN : PANDUAN KEMASUKAN KE SABAH

PENGEMBARA DOMESTIK

TELAH LENGKAP DIVAKSIN:

Bagi individu berstatus "lengkap divaksin" apabila tiba di Sabah:

- Tidak perlu dikuarantin;
- Mengisi eHealth Declaration Form (eHDF) [<https://sm.jknsabah.gov.my/HDF/hdf.php>] sebelum berlepas ke Sabah;
- Sertakan bukti status "lengkap divaksin" semasa penilaian risiko di pintu masuk Sabah; dan
- Tertakluk kepada penilaian risiko oleh petugas kesihatan di pintu masuk Sabah. Sekiranya bergejala, akan diarahkan untuk menjalani saringan ujian COVID-19 dan diberikan arahan Home Surveillance Order (HSO) sehingga keputusan dikeluarkan.
 - Jika keputusan NEGATIF, diberi pelepasan HSO.
 - Jika keputusan POSITIF, diuruskan seperti pengurusan kes positif COVID-19.

BELUM DIVAKSIN / BELUM LENGKAP DIVAKSIN / BELUM MENERIMA VAKSIN

Bagi individu yang belum divaksin "atau" belum lengkap divaksin "atau" belum menerima vaksin bagi yang layak (12 tahun ke atas):

- Tidak perlu dikuarantin;
- Keputusan NEGATIF ujian COVID-19 RT-PCR "atau" RTK-Ag [swab / saliva] dan ujian yang dilakukan hendaklah disahkan oleh klinik atau makmal yang melakukan ujian tersebut yang bertauliah dan berdaftar dengan KKM;
- Tempoh sah laku RTK-Ag dan RT-PCR adalah tiga (3) hari selepas pengambilan sampel sebelum masuk ke Sabah;
- Isi eHealth Declaration Form (eHDF) [<https://sm.jknsabah.gov.my/HDF/hdf.php>]; dan
- Tertakluk kepada penilaian risiko oleh petugas kesihatan di pintu masuk Sabah. Sekiranya bergejala, akan diarahkan untuk menjalani saringan ujian COVID-19 dan diberikan arahan Home Surveillance Order (HSO) sehingga keputusan dikeluarkan.
 - Jika keputusan NEGATIF, diberi pelepasan HSO.
 - Jika keputusan POSITIF, diuruskan seperti pengurusan kes positif COVID-19.

KANAK-KANAK DI BAWAH 12 TAHUN:

Status kanak-kanak di bawah 12 tahun semasa kemasukan ke Sabah adalah berdasarkan status vaksin ibu bapa / penjaga.

DEFINISI "LENGKAP DIVAKSIN":

- Bagi vaksin 2-Dos (Pfizer / Sinovac / AstraZeneca): 14 hari selepas dos kedua.
- Bagi vaksin 1-Dos (CanSino / Jansen): 28 hari selepas dos pertama.



PEJABAT HAL EHWAL DALAM NEGERI DAN PENYELIDIKAN
JABATAN KETUA MENTERI

Kemas kini pada: 26 November 2021_v1 [FINAL]

Muka surat: 6 / 7

KESIHATAN : PANDUAN KEMASUKAN KE SABAH **PENGEMBARA ANTARABANGSA**

PEGEMBARA ANTARABANGSA:

Pengembara **warganegara** dan **bukan warganegara** yang baru tiba di Malaysia dari luar negara dan **singgah (transit)** di Pintu Masuk Antarabangsa Malaysia. Pengembara **tidak dibenarkan** untuk keluar dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) / Pintu Masuk Antarabangsa Malaysia.

SYARAT KEMASUKAN DAN KUARANTIN DI SABAH BAGI PENGEMBARA ANTARABANGSA (KEMASUKAN DARI LUAR NEGERA):

- a) Telah mendapat kelulusan Home Surveillance Order (HSO) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengembara hendaklah memohon melalui pautan [<https://hso.moh.gov.my/outbreak-portal-hqa/index>];
- b) Bagi yang tidak mendapat kelulusan HSO KKM (Kuarantin di tempat kediaman), pengembara boleh meneruskan penerbangan / perjalanan ke Sabah dan dikuarantin di Pusat Kuarantin Hotel (yang diwartakan) atau Pusat Kuarantin Institut Latihan Awam (ILA) yg disediakan di Sabah;
- c) Mengisi eHealth Declaration Form (eHDF) [<https://sm.jknsabah.gov.my/HDF/hdf.php>] sebelum berlepas ke Sabah;
- d) Menjalani ujian COVID-19 RT-PCR semasa ketibaan;
- e) Tertakluk kepada penilaian risiko oleh petugas kesihatan di pintu masuk Sabah; dan
- f) Arahan Kuarantin Wajib selama **tujuh (7) hari** jika telah **LENGGAP DIVAKSIN** dan **sepuluh (10) hari** bagi yang **BELUM DIVAKSIN / BELUM LENGKAP DIVAKSIN / BELUM MENERIMA VAKSIN BAGI YANG LAYAK (12 tahun ke atas)**.
 - Menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-5 bagi yang telah **LENGGAP DIVAKSIN**.
 - Menjalani ujian RT-PCR pada hari ke-7 bagi yang **BELUM DIVAKSIN / BELUM LENGKAP DIVAKSIN / BELUM MENERIMA VAKSIN BAGI YANG LAYAK (12 tahun ke atas)**.

Nota: Pengecualian kuarantin adalah **BUKAN** salah satu pilihan namun pengecualian kuarantin adalah tertakluk kepada penilaian risiko dan kelulusan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.

PEMAKLUMAN:

- i. Kru & Anak Kapal (Sektor O&G) – SOP BAGI AKTIVITI *SIGN ON & OFF* KRU DAN ANAK KAPAL SEKTOR MINYAK DAN GAS DI SABAH
- ii. Kru & Anak Kapal (Bukan Sektor O&G) – ANNEX 9

KANAK-KANAK DI BAWAH 12 TAHUN:

Status kanak-kanak di bawah 12 tahun semasa kemasukan ke Sabah adalah berdasarkan **status vaksin ibu bapa / penjaga**.

DEFINISI "LENGKAP DIVAKSIN":

- i. Bagi vaksin 2-Dos (Pfizer / Sinovac / AstraZeneca): **14 hari selepas dos kedua**.
- ii. Bagi vaksin 1-Dos (CanSino / Jansen): **28 hari selepas dos pertama**.

